

1975

KUALA LUMPUR, 16 JULAI (BERNAMA) -- SERAMAI 90 ORANG GURU BAHASA MALAYSIA DARI SEMANANJUNG TELAH DIAMBIL TAHUN LALU DAN 72 LAGI TAHUN INI UNTUK BERKHIDMAT DI SARAWAK BAGI MEMESTAKAN LAGI PENGGUNAAN BAHASA ITU DI NEGERI TERSEBUT.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI DI ANTARA LAIN-LAIN LANGKAH YANG DIAMBIL TALAH MEMPERLUASKAN PELAJARAN BAHASA MALAYSIA DI MAKTAB PERGURUAN KUCHING, BINANG DAN SIBU.

SATU LAGI LANGKAH TALAH MENGELUARKAN GURU MELALUI KURSUS INTENSIF BAHASA MALAYSIA. SETAKAT INI 337 ORANG GURU TELAH MENGIKUTI LATIHAN INTENSIF ITU SEJAK 1973.

DR. MAHATHIR MENJAWAB PERTANYAAN ENCIK JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (SNAP-LUBIK ANTU) BERKATA SEGALA USAHA TELAH DIJALANKAN UNTUK MEMESATKAN LAGI PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DENGAN MENGATASI KEKURANGAN GURU-GURU BAHASA ITU.

ENCIK JONATHAN INGIN TAHU SAMADA KERAJAAN PUASHATI DENGAN PERKEMBANGAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI SEKOLAH-SEKOLAH DI SARAWAK DAN LANGKAH-LANGKAH UNTUK MEMPERCEPATKANNYA LAGI.

DALAM SATU JAWAPAN BERTULIS KEPADA ENCIK CHIAN HENG KAI (DAP-BATU GAJAH) MENGENAI PERLAJUBANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN, BELIAU MEMBERITAHU SEBANYAK 302 MEMORANDUM TELAH DITERIMA OLEH JAWATANKUASA KABINET MENGENAINYA. -- BERSAMBUNG 1724/LK

622

PARLIMEN-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

SETAKAT INI JAWATANKUASA ITU TELAH MENGADAKAN SEMILAN KALI MESYUARAT SEMENTARA JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL DAN KUMPULAN KERJA YANG DIBENTUK TELAH BERMESYUARAT SEBANYAK 60 KALI.

KATANYA, SYOR-SYOR MEMO YANG DITERIMA DIKAJI SECARA MENDALAM OLEH KUMPULAN KERJA-KUMPULAN KERJA DI PAWAH JAWATANKUASA KECIL TENAGA RAKYAT DAN PERPADUAN NEGARA UNTUK DIGUNAKAN DALAM MEMBINCANGKAN BIDANG TUGAS MEREKA MASING-MASING.

KUMPULAN KERJA-KUMPULAN KERJA INI SEDANG MENYEDIAKAN LAPORAN UNTUK DITAPIS OLEH JAWATANKUASA KECIL YANG BERKENAAN SEBELUM DIKEMUKAKAN KEPADA JAWATANKUASA KABINET.

MENJAWAB PERTANYAAN HAJI MOHAMED ZAIN ABDULLAH (BN-BACHOK) MENGENAI KECICIRAN, MENTERI PELAJARAN BERKATA, KERAJAAN DAPATI KADER PERATUS KECICIRAN DI SEKOLAH RENDAH BAGI SEMUA BAHASA PENGANTAR TELANPIN BERKURANGAN.

SEAMAI 13.6 PERATUS MURID SEKOLAH RENDAH TELAH TERCIKIR PADA TAHUN 1967 BERBANDING DENGAN 9.8 PERATUS (1968), 9.6 PERATUS (1969) DAN 6.5 PERATUS (1970).

KATA DR. MAHATHIR, KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENKAJI SEMULA LAPORAN KECICIRAN YANG DISEDIAKAN PADA AWAL TAHUN 1973. -- BERNAMA 1805/LK